

☒ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 24/5/2012
Hari: Khamis MS: 14
Ruangan: NASIONAL

Media berubah seiring teknologi baru

SINTOK: Dunia kewartawanan media cetak di negara ini berdepan anjakan perubahan selaras dengan perkembangan pesat teknologi maklumat dengan kewujudan resolusi digital era baru yang memberi pilihan kepada pembaca mendapatkan informasi dan berita.

Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Mior Kamarul Shahid, berkata selaras dengan perkembangan teknologi komunikasi itu termasuk kehadiran aplikasi telefon bimbit berinternet, iPad dan tablet itu sekali gus memudahkan pembaca masa kini memperoleh berita dan informasi terkini termasuk melalui akhbar digital atau dalam talian.

Sehubungan itu, katanya, dalam tempoh lima tahun akan datang bahan berita bagi akhbar bercetak tidak lagi boleh bersifat melaporkan dengan pendekatan 5W1H sebaliknya perlu memberi informasi 'second layer' yang belum dan ingin diketahui pembaca.

"Dunia kewartawanan hari ini berbeza dengan 15 tahun lalu, misalnya pada masa ini penduduk di Amerika Syarikat lebih selesa membaca akhbar menerusi gajet komunikasi seperti iPad dan ia seakan menjadi trend di negara maju itu sehingga menyebabkan jumlah pembaca akhbar bercetak semakin berkurangan.

"Walaupun senario itu masih belum berlaku di negara ini berikutan kekangan akses, tetapi ia semakin menjadi trend dan pilihan khususnya untuk generasi baru. Justeru, penyampaian maklumat kepada pem-



MIOR KAMARUL berbual dengan pelajar UUM selepas menyampaikan syarahan di UUM, Sintok, semalam.

baca menerusi telefon bimbit, portal online, tablet dan iPad menyebabkan usaha memberi nafas baru kepada akhbar bercetak perlu dilakukan," katanya ketika menyampaikan syarahan bertajuk 'Peluang Kerjaya Dalam Media' di Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini semalam.

Terdahulu, Mior Kamarul turut menerima watak pelantikan sebagai Profesor Adjung Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC) UUM, yang disampaikan Naib Canselor UUM, Datuk Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak, di sini, semalam.

Pelantikan Mior Kamarul sebagai Profesor Adjung selama dua ta-

hun bermula Jun 2011 hingga Mei 2013 membentuk gabungan kerjasama antara institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dengan pihak industri media yang memberi manfaat kepada kedua-dua pihak khususnya dalam melahirkan graduan komunikasi yang memenuhi permintaan pasaran kerja.

Sementara itu, Mior Kamarul berkata, peluang kerja dalam industri media terbuka luas kerana ia tidak tertakluk kepada bidang komunikasi semata-mata tetapi pelajar yang di luar bidang pengajian terbabit juga boleh menyertai bidang penulisan dan kewartawanan sebagai kerjaya.

• LIM POH CHEN/BERITA HARIAN